



Ruj. Kami : KUDR/TNBB/A/06/24/0004 (18)  
Tarikh : 21 Ogos 2024

**TENAGA NASIONAL BERHAD**  
1754, Jalan Dato Seri Kamaruddin,  
32040 Seri Manjung,  
Perak.  
(u.p : Mohammad Rosdi Bin Husin )

Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN  
MENJALANKAN KERJA MSVT – SUNTIKAN BARU 2 LITAR  
500MMP XLPE DARI PPU P. REMIS KE CAD SSU DI PENCAWANG  
TMN DESA PANTAI 2**

**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Perbandaran Manjung dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak <b>RM 50,400.00</b> seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT(sebut harga : QT-06-0004)
ii.	Kerja korekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara <i>clean-cut with diamond cutter</i> atau seumpama dengannya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan
iii.	Pihak TNB dibenarkan korekan terbuka >100m dan menutup semula korekan.
iv.	Mill and pave semula hendaklah sekurang-kurangnya separuh dari jalan sedia ada.
v.	Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM) dan Pelan Kawalan Trafik (TCP) diperlukan bagi syarat-syarat kelulusan permit
vi.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak <b>RM 10,000.00</b> sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf (wang akan dikembalikan setelah 12 bulan kerja siap).
vii.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak <b>RM 27,732.00</b> sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf.





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/A/06/24/0004 (18)  
Tarikh : 21 Ogos 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN  
MENJALANKAN KERJA MSVT – SUNTIKAN BARU 2 LITAR  
500MMP XLPE DARI PPU P. REMIS KE CAD SSU DI PENCAWANG  
TMN DESA PANTAI 2**

**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

---

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakannya kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak Sehingga Tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), Yang DiPertua Majlis Perbandaran Manjung serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran Caj Perkhidmatan OSA(**Sebut Harga:QT-06-0004**) bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan Mendapatkan Kelulusan Serta Permit Bagi Kerja di Dalam Rizab Jalan Majlis Perbandaran Manjung dan Borang Bayaran Wang Cagaran** bertarikh **9 Ogos 2024** untuk tindakan selanjutnya oleh pihak Tuan/Puan. (Cek perlu disediakan secara berasingan)

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Perbandaran Manjung seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan (**180 hari**) sahaja dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat -syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/A/06/24/0004 (18 )  
Tarikh : 21 Ogos 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN  
MENJALANKAN KERJA MSVT – SUNTIKAN BARU 2 LITAR  
500MMP XLPE DARI PPU P. REMIS KE CAD SSU DI PENCAWANG  
TMN DESA PANTAI 2**  
**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **Encik Zulkifli Bin Mat Isa** di talian **019-7790325** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
**(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)**  
Pengurus Koridor Negeri  
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/20/08/24/kamarulzul

s.k :

**Yang Dipertua,**  
**Majlis Perbandaran Manjung,**  
Jalan Pinang Raja,  
32040 Seri Manjung,  
Perak Darul Ridzuan.  
(u.p. : Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan)

